

1. Mulut adik _____ semasa menyaksikan persembahan silap mata di pesta ria itu.

- ☐ A terjgil
- ☐ B terbeliak
- ☐ C terlopong
- ☐ D tercengang

2. Air tasik itu _____ apabila Salisa mencampakkan beberapa ketul batu ke dalamnya.

- ☐ A berayun
- ☐ B bergegar
- ☐ C berkocak
- ☐ D bergoyang

3. Saya _____ untuk melaporkan penyelewengan yang berlaku dalam syarikat pada mesyuarat akan datang.

- ☐ A berhajat
- ☐ B berazam
- ☐ C berkenan
- ☐ D berhasrat

4. Zainal menggilap trofi kemenangannya yang disimpan di dalam almari hiasan itu sehingga _____.

- ☐ A berseri
- ☐ B berkilat
- ☐ C berlumut
- ☐ D bergemerlapan

5. Selepas _____ nasi goreng dan air Milo, adik mencapai beg sekolahnya lalu masuk ke dalam kereta.

- ☐ A bersuap
- ☐ B berlapar
- ☐ C berselera
- ☐ D bersarapan

6. Bawalah anak-anak anda _____ sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk merehatkan minda mereka.

- ☐ A berjihad
- ☐ B beriadah
- ☐ C berkempen
- ☐ D berkunjung

7. Walaupun tinggal _____ dengan keluarganya, Hisyam tidak pernah melupakan ibu bapanya di kampung.

- ☐ A berjauhan
- ☐ B berpautan
- ☐ C berdekatan
- ☐ D berhampiran

8. Ruzman duduk di bawah pokok rambutan sambil _____ gitar.

- ☐ A bermain
- ☐ B berbunyi
- ☐ C bertepuk
- ☐ D berdendang



9. Tukang sapu itu menghubungi pihak polis apabila dia _____ bau yang sangat busuk dari sebuah rumah kosong.

- ☐ A terhidu
- ☐ B terdengar
- ☐ C terpegang
- ☐ D terpandang

10. Pesawah itu terpaksa menuai padi secara tradisional kerana jentera tidak dapat masuk ke kawasan sawahnya yang _____.

- ☐ A berbatas
- ☐ B berkabus
- ☐ C bertimbun
- ☐ D berlumpur

11. Cek yang bernilai RM100, 000 itu dikeluarkan untuk individu yang _____ Dato' Solehan Salihin.

- ☐ A bergelar
- ☐ B bernama
- ☐ C berstatus
- ☐ D berpangkat

12. Elakkanlah membeli buah durian yang sudah _____ kerana isinya mungkin sudah tidak elok.

- ☐ A terhiris
- ☐ B terbelah
- ☐ C terpecah
- ☐ D tertanggal

13. Hujan lebat yang _____ ke bumi membuatkan Hafiz semakin lena diulit mimpi.

- ☐ A menitis
- ☐ B mengalir
- ☐ C mencurah
- ☐ D merembes

14. Sebaik-baik sahaja melangkah masuk ke galeri itu, Leman _____ oleh keindahan potret tokoh sejarawan itu.

- ☐ A terkejut
- ☐ B terpikat
- ☐ C tersentak
- ☐ D termangu

15. Pihak sekolah sedang membaiki pulih stor sukan yang _____ akibat sikap segelintir murid yang tidak bertanggungjawab merokok di kawasan itu.

☐ A terburai
☐ B terbelah
☐ C terbakar
☐ D terkorban

16. Pak Wahid menyara kehidupan keluarganya dengan _____ secara kecil-kecilan di warungnya.

☐ A berniaga
☐ B berkebun
☐ C berternak
☐ D bersawah

17. Tuan Pengetua memuji kejayaan murid-murid dalam pelajaran semasa beliau _____ dalam perhimpunan rasmi itu tadi.

☐ A bertitah
☐ B berucap
☐ C berhujah
☐ D bersyarah

18. Anak-anak dan isteri Dato' Jamil _____ ketakutan semasa rumah mereka dirompak oleh dua orang lelaki yang bersenjatakan parang.

☐ A menjerit
☐ B meroyan
☐ C meracau
☐ D membebel

19. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pemuda itu tersungkur lalu _____ di muka pintu pejabatnya.

☐ A terjunam
☐ B terperosok
☐ C terhumban
☐ D tersembam

20. Tuan Puteri Dewi Pertiwi _____ tatkala mendengar cerita-cerita rakyat yang disampaikan oleh penglipur lara itu.

☐ A terusik
☐ B terubat
☐ C terhibur
☐ D tersentuh